

27 NOV 2003

India-Pesuruhjaya Tinggi

PESURUHJAYA TINGGI INDIA YANG BARU AKAN TIBA DALAM MASA SEBULAN

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia yang baru, Rajamani Laxmi Narayan, dijangka tiba di sini dalam masa sebulan.

Narayan kini adalah duta India ke Poland.

Pesuruhjaya Tinggi yang bakal menamatkan khidmatnya di sini, Veena Sikri mengumumkan nama pengganti beliau kepada media selepas melakukan kunjungan untuk mengucapkan selamat tinggal kepada dekan kor diplomatik di Malaysia, Pesuruhjaya Tinggi Kenya James Kihui Karuga.

Sikri, yang telah berkhidmat di Kuala Lumpur sejak September 2000, akan berlepas untuk menjalankan tugas sebagai Pesuruhjaya Tinggi ke Bangladesh, pada 8 Dis.

Sebelum meninggalkan negara ini, beliau berharap untuk menyaksikan pemeteraian perjanjian pada minggu depan bagi mewujudkan kursi Kajian India di Universiti Kebangsaan Malaysia dan kursi Kajian Melayu Kontemporari di Universiti Madras di India.

Beliau juga akan merasmikan Pusat Kebudayaan India di Suruhanjaya Tinggi di Kuala Lumpur.

Pesuruhjaya Tinggi itu yang turut mengucapkan selamat tinggal kepada Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar awal hari ini, berkata banyak lawatan dua hala peringkat tinggi telah dilakukan semasa penggalnya.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad melawat India tahun lepas dan Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee melawat Malaysia sebanyak dua kali.

Sikri berharap Perdana Menteri Malaysia yang baru Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga akan mengadakan lawatan rasmi ke India.

-- BERNAMA

SOM AZZ RHM